

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 DISEMBER 2016 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	11 produk dikomersialkan daripada tujuh syarikat BioNexus semasa MCY'16	Mingguan Malaysia
2.	Penggunaan FMRS berkesan	Metro Ahad

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (RENCAM) : MUKA SURAT 32
TARIKH : 18 DISEMBER 2016 (AHAD)



PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation, Syed Agil Syed Hashim (tiga dari kiri) bersama empat daripada tujuh wakil syarikat yang berjaya dikomersialkan sempena MCY'16 di Pusat Konvesyen Kuala Lumpur (KLCC).

11 produk dikomersialkan daripada tujuh syarikat BioNexus semasa MCY'16

TUJUH syarikat bertaraf BioNexus berjaya mengomersialkan 11 produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) berasaskan bio semasa Tahun Pengomersialan Malaysia Tahun 2016 (MCY'16) dengan kerjasama Bioeconomy Corporation.

Produk yang berjaya dikomersialkan adalah daripada syarikat Bio Tree Technology Sdn. Bhd., Tropical Bioessence Sdn. Bhd., Furley Bioextracts Sdn. Bhd., Persona Kosmetik Sdn. Bhd., Ligno Biotech Sdn. Bhd., Algotech International Sdn. Bhd. dan Proliv Life Science Sdn. Bhd., sebahagian daripada 150 produk tempatan yang dikomersialkan di bawah MCY'16 di bawah nutraseutikal dan kosmeseutikal selain sektor kesihatan dan perubatan.

Ligno Biotech memenangi hadiah saguhati dalam MCY's Commercial Deal Award bagi produk TIGERUS TIGGY Cocoa Chewable Tablets, manakala Furley Bioextracts menang hadiah saguhati bagi FemMist dalam kategori Research Entrepreneur Award.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation, Syed Agil Syed Hashim berkata, ini menunjukkan komitmen organisasi dalam memajukan syarikat bertaraf BioNexus untuk menjadikan produk berasaskan bio sebagai sumber baru pembangunan

ekonomi Malaysia.

"MCY'16 adalah cara kami menggalakkan syarikat status BioNexus dalam membawa produk inovatif R&D kepada pasaran tempatan dan antarabangsa.

"Kami gembira melihat program usahawan Bioeconomy Corporation mengukuhkan potensi komersial syarikat status BioNexus dan meningkatkan persaingan ke arah meluaskan pasaran. Kami juga berharap dapat memberi inspirasi kepada lebih banyak syarikat berstatus BioNexus bagi menjana lebih banyak produk dalam pasaran di masa akan datang selain menyumbang ke arah meningkatkan kadar pengomersialan inovasi R&D Malaysia," katanya baru-baru ini.

Syed Agil menambah, Bioeconomy Corporation terus menyokong dan membantu syarikat berstatus BioNexus mengomersialkan produk R&D yang menjana pendapatan RM822.7 juta pada suku kedua pertama tahun 2016, tujuh peratus peningkatan dibandingkan suku kedua pertama tahun 2015 (RM764 juta).

Perbadanan berkenaan juga memupuk pembangunan usahawan dalam industri berasaskan bio melalui Global Entrepreneurship Community 2016 (GEC) diadakan seiring dengan MCY'16.

KERATAN AKHBAR
METRO AHAD (SETEMPAT) : MUKA SURAT 46
TARIKH : 18 DISEMBER 2016 (AHAD)

Kuala Lumpur: Penggunaan sistem pemantauan hutan menggunakan penderiaan jauh (FMRS) terbukti berkesan apabila berupaya mengurangkan kadar pencero bohan dan pembalakan hutan di Malaysia.

Sistem berkenaan yang mula diperkenalkan sejak 2014 dibangunkan oleh Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) dan digunakan di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan kawasan hutan di negara ini.

Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Hutan Mohd Nizum Mohd Nor berkata, JPSM menggunakan FMRS dalam pemantauan kawasan



hutan simpan kekal dan bukan simpan kekal di seluruh Semenanjung.

"Kita menjalankan pemantauan berkala setiap minggu sama ada menggunakan rondaan, semakin ka-

“

Dron ini akan menampilkan imej foto udara dalam bentuk RGB dan rakaman video udara 360 darjah”

Mohd Nizum

wasan, pemeriksaan, sekatan jalan raya serta operasi.

"Tetapi sejak dua tahun lalu kita menggunakan sistem FMRS untuk membantu memudahkan lagi kerja pemantauan dan penguatkuasaan," katanya.

Menurut beliau, tahun lalu FMRS ditambah baik kepada FMRS Plus 5 dengan menggabungkan lima komponen tambahan yang bersesuaian

Penggunaan FMRS berkesan

digunakan mengikut peredaran semasa.

"Sistem maklumat geografi (GIS) ditambah baik dalam FMRS Plus 5 supaya mengesan kawasan panas, sem padan hutan simpan kekal, kelas fungsi hutan, koordinat sistem pengesanan global (GPS), lesen pembalakan dan permit penggunaan.

"FMRS Plus 5 turut dilengkapi sensor hyper spectral iaitu satu imej sensor yang memberi signal infra merah permukaan tanah dan boleh menganalisis perubahan komposisi hutan.

"Komponen tiga membantu pasukan rondaan JPSM yang boleh mengesan

kan maklumat operasi penguatkuasaan dan forensik," katanya.

Menurutnya, dron juga digunakan supaya dapat membuat pemantauan masa sebenar dengan menampilkan pengimejan beresolusi tinggi serta rakaman video.

"Dron ini akan menampilkan imej foto udara dalam bentuk RGB dan rakaman video udara 360 darjah.

"Komponen sistem ini diperkukuhkan lagi dengan operasi bersepadu penguatkuasaan hutan," katanya.

Katanya, sistem berkenaan membantu kerja penguatkuasaan hingga mem-

perlihatkan trend penurunan kes berkaitan salah laku hutan di Semenanjung.

"Berdasarkan statistik, kita nampak ada perbezaan ketara selepas menggunakan sistem ini majoriti kes pembalakan haram di seluruh Semenanjung semakin berkurangan daripada 28 kes pada 2005 beraya dikurangkan kepada 11 kes sehingga Oktober tahun ini.

"Kes membabitkan hutan dalam kawasan ibu negara juga berjaya mencapai sifar sekali gus memberi petunjuk positif penggunaan sistem ini amat berkesan dalam membantu kerja kerja penguatkuasaan," katanya.